

Headline	Import cicak tokek		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	07 Jul 2012	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	324,097
Page No	18	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	525 cm <sup>2</sup>
Journalist	Mohd Jamilul Anbia Md Denin	AdValue	RM 19,315
Frequency	Daily	PR Value	RM 57,945



# 'Import' cicak tokek



Gecko dikesan diseludup dari negara jiran berikutan dakwaan boleh capai harga RM100,000 seekor

>>Oleh Mohd Jamilul Anbia Md Denin, Mohd Husni Mohd Noor dan Wan Asrudi Wan Hasan  
am@hmetro.com.my

**P**ENGGALAN HULU: Dakwaan cicak tokek boleh mengubah nasib seseorang menjadi jutawan menyebabkan terdapat individu menyeludup haiwan itu ke negara ini secara besar-besaran.

Dalam kes terbaru minggu lalu, seorang lelaki tempatan berusia 30-an dikesan cuba menyeludup 10 ekor cicak tokek yang dibawa masuk dari Betong, Thailand, melalui Kompleks Imigresen Bukit Berapit, di sini.

Sumber berkata, suspek yang ditemani seorang kanak-kanak lelaki berusia sekitar sembilan tahun dikesan memandu kereta model lama dalam keadaan mencurigakan sebelum diarahkan berhenti untuk pemeriksaan pegawai Kastam Diraja Malaysia (KDRM).

Menurutnya, suspek yang pada awalnya disangka cuba menyeludup beras Siam ke negara ini bagaimanapun didapati cuba menyeludup 10 ekor cicak tokek yang disembunyikan di dalam guni.

"Guni berisi cicak tokek dewasa itu disembunyikan di



**SELUDUP...guni yang mengandungi 10 ekor cicak tokek dirampas.**

bawah tempat duduk belakang yang diubah suai.

"Suspek yang disoal siasat mendakwa haiwan itu sudah ditempah dan boleh dijual sekitar RM100,000 seekor di Malaysia," katanya.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) negeri, Abdul Kadir Abu Hashim, ketika dihubungi semalam, mengesahkan cicak tokek adalah spesies dilindungi, malah ia baru dimasukkan dalam senarai haiwan dilindungi pada 2010.

Justeru, katanya, individu

yang memiliki atau membela spesies berkenaan perlu mendapatkan lesen daripada Perhilitan bagi mengelak berdepan hukuman denda.

"Sekiranya ditahan, individu yang membela atau memiliki spesies itu boleh disiasat mengikut Akta 716, Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 dan boleh didenda sehingga RM50,000.

"Cicak tokek mempunyai 12 spesies berlainan dan ia terpaksa dimasukkan dalam kategori haiwan dilindungi berikutan semakin pupus selain menjadi buruan agresif individu dipercayai teruja

dengan mitos haiwan itu mampu menyembuhkan pelbagai penyakit termasuk HIV/Aids, barah dan tenaga batin," katanya.

Katanya, pihaknya turut mengesahkan kegilaan orang awam memburu cicak berkenaan semakin berkurangan berikutan larangan dikeluarkan Muzakarah Jawatankuasa Majlis Fatwa Kebangsaan bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia ke-95 yang bersidang pada Jun tahun lalu yang memutuskan hukum memakan dan berubat dengan menggunakan cicak tokek atau gecko adalah haram.

Timbalan Komander Unit Pencegahan dan Penyeludupan negeri, Ishak Jaafar, ketika dihubungi berkata, pihaknya bersedia bekerjasama dengan pelbagai agensi penguat kuasa lain terutama KDRM, Imigresen dan Perhilitan untuk membanteras kegiatan penyeludupan spesies berkenaan.

"Kami bertindak sebagai 'strike force' dalam sebarang kes penyeludupan sebelum menyerahkan kes berkenaan kepada agensi berkaitan terutama membabitkan penyeludupan beras, kedatangan pendatang asing dan aktiviti penyusupan binatang dilindungi," katanya.